

SULIT



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

JABATAN PENGAJIAN AM

**PEPERIKSAAN AKHIR
SESI 1: 2015/2016**

BUA 1012 : TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA

**TARIKH : 31 DISEMBER 2015
MASA : 8.30 AM – 10.30 AM (2 JAM)**

Kertas ini mengandungi **EMPAT (4)** halaman bercetak.
Bahagian A: Struktur (4 soalan)
Dokumen sokongan yang disertakan : Tiada

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIARAHKAN

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)

SULIT

SOALAN STRUKTUR : 100 MARKAH**ARAHAN:**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan struktur. Jawab semua soalan di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

SOALAN 1

CLO 1 Istilah tamadun digunakan bagi menggambarkan taraf pencapaian kemajuan rohani dan jasmani sesebuah masyarakat.

- C1 a) Jelaskan hubungan tamadun dengan agama dan bangsa. (4 markah)
- C2 b) Terangkan **DUA (2)** faktor pembinaan tamadun beserta contoh.
i- Politik yang kukuh
ii- Kedudukan yang strategik (5 markah)
- C3 c) Huraikan **TIGA (3)** ciri persamaan yang wujud dalam pembentukan sesebuah tamadun. (6 markah)
- C4 d) Kaitkan **LIMA (5)** kesan positif pertembungan antara tamadun ke atas pembangunan masyarakat. (10 markah)

SOALAN 2

CLO 2 Tamadun Islam adalah tamadun yang dibangunkan di atas asas takwa dan menepati ciri-ciri yang ditetapkan oleh al-Quran dan al-Sunnah.

- C1 a) Nyatakan **EMPAT (4)** dasar Tamadun Islam.
(4 markah)
- C2 b) Bincangkan **DUA (2)** tanggungjawab manusia berdasarkan konsep tamadun Islam beserta contoh.
(5 markah)
- C3 c) Huraikan **TIGA (3)** faktor kecemerlangan tamadun Islam.
(6 markah)
- C4 d) Huraikan **LIMA (5)** sumbangan Tamadun Islam kepada Peradaban Dunia.
(10 markah)

SOALAN 3

CLO 3 Tamadun Asia merangkumi tiga buah tamadun terbesar iaitu Tamadun Melayu, Tamadun India dan Tamadun China.

- C2 a) Bezakan istilah Melayu dari dimensi ras dan kebudayaan.
(4 markah)
- C3 b) Bincangkan **DUA (2)** bentuk budaya masyarakat Melayu yang boleh menjadi pemangkin kepada pembentukan tamadun Malaysia beserta contoh.
(5 markah)
- C4 c) Kaitkan **TIGA (3)** nilai utama Tamadun India yang diamalkan dalam masyarakat India di Malaysia pada hari ini.
(6 markah)
- C5 d) Analisiskan **LIMA (5)** persamaan nilai yang wujud antara tamadun Melayu, India dan Cina.
(10 markah)

SOALAN 4

CLO 4 Dunia abad ke 21 sedang menghadapi cabaran dan perubahan yang sangat hebat serta memberi implikasi yang amat besar terhadap pelbagai aspek.

- C2 a) Berikan maksud globalisasi dan kesan negatif terhadap institusi kekeluargaan.
(4 markah)
- C3 b) Kenalpasti **DUA (2)** langkah menangani tanggapan salah terhadap konsep jihad beserta contoh.
(5 markah)
- C4 c) Tahun 2001 telah diisyiharkan sebagai Tahun Dialog Tamadun oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Jelaskan **TIGA (3)** peranan dialog dalam mengatasi kemelut hubungan antara tamadun di dunia hari ini.
(6 markah)
- C6 d) Berikan **LIMA (5)** alasan yang menyokong kenyataan bahawa *masyarakat Islam dan Asia boleh mencapai tahap ketamadunan yang hebat tanpa pengaruh Barat*.
(10 markah)

SOALAN TAMAT